



MAJLIS DAERAH LENGGONG

JAWATAN KOSONG

PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA DARIPADA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN-JAWATAN BERIKUT, KEUTAMAAN AKAN DIBERI KEPADA RAKYAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN.

- | | |
|--------------------------|-------------------------------------|
| 1. Nama Jawatan | : Pembantu Awam |
| Klasifikasi Perkhidmatan | : Kemahiran |
| Kumpulan Perkhidmatan | : Pelaksana |
| Taraf Jawatan | : Kontrak/Tetap |
| Gred H11 | Jadual Gaji Minimum Maksimum |
| | : RM1,218.00 – RM2,939.00 |
| Kadar Kenaikan Gaji | : RM80.00 |
| Tahunan | |

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia; dan
 - (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred H11 : RM1,218.00)

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawap melaksanakan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja serta tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

2.	Nama Jawatan	: Pemandu Kenderaan
	Klasifikasi Perkhidmatan	: Kemahiran
	Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
	Taraf Jawatan	: Kontrak/Tetap
	Gred H11	Jadual Gaji Minimum Maksimum
		: RM1,218.00 – RM2,939.00
	Kadar Kenaikan Gaji	: RM80.00
	Tahunan	

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia; dan
 - (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - (d) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)];

dan

- (e) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggarakan kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
- (f) Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:-
 - a. Lesen D : RM1,264.15
 - b. Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
 - c. Lesen F/H : RM1,356.45
 - d. Lesen G/I : RM1,402.60

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, dumper, roller dan traktor pertanian.

CARA MEMOHON

1. Pemohon hendaklah memohon secara talian dengan melayari laman web <https://digital.perak.my> mulai 19 Julai 2021 (Isnin).
2. Pemohon **TIDAK PERLU** mengemukakan sebarang salinan dokumen selepas mengisi secara **ATAS TALIAN (ONLINE)**. Pihak Majlis hanya akan menghubungi calon-calon yang layak untuk ditemuduga sahaja. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa (6) bulan selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
3. Permohonan daripada kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terakhir dan hanya perlu dibawa semasa Sesi Temuduga.
4. Calon-calon yang layak dipanggil temuduga dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan dokumen yang telah disahkan seperti **Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil-sijil Persekolahan/Akademik** yang telah disahkan dan lain-lain dokumen yang perlu dikemukakan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN:

Sebelum atau pada 02 OGOS 2021 / ISNIN

YANG DIPERTUA

MAJLIS DAERAH LENGGONG